

23 JUN 2001

Mahathir-Rayuan

MT AKAN BINCANG PENUBUHAN LEMBAGA RAYUAN UMNO

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno akan membincangkan pada mesyuarat akan datang cadangan penubuhan lembaga rayuan bagi mendengar rayuan anggota-anggota yang dikenakan tindakan oleh Lembaga Disiplin parti, kata Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Soal keanggotaan badan rayuan itu juga akan dibincangkan pada mesyuarat berkenaan, katanya pada persidangan akhbar selepas berakhirnya Perhimpunan Agung Umno yang berlangsung selama tiga hari di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

"Bentuk badan rayuan itu akan dibincangkan pada mesyuarat MT akan datang," katanya ketika diminta mengulas laporan muka depan sebuah akhbar hari ini mengenai cadangan penubuhan lembaga berkenaan.

Beliau berkata cadangan penubuhan lembaga rayuan itu dikemukakan oleh Pengerusi Lembaga Disiplin Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen.

Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika menggulung perbahasan sebelum itu turut menyatakan bahawa cadangan penubuhan jawatankuasa rayuan itu akan dibincangkan oleh MT Umno pada mesyuaratnya yang pertama selepas perhimpunan agung itu.

-- BERNAMA

JM AZZ MOZ